

1.0 PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan Untung membawa maksud hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu kegiatan seperti perusahan, perniagaan yang melebihi modal serta segala perbelanjaan yang berkaitan.

Menurut Kamus Harrap's Dictionary of Business Finance Untung bermaksud lebihan wang yang diperolehi oleh firma ataupun perusahaan selepas semua perbelanjaan diselesaikan dalam suatu tempoh pengiraan sesuatu akaun.

2.0 UNTUNG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Dari segi bahasa Untung disebut *al-ribh* yang berasal daripada kata dasar *rabiha* yang bermaksud pertambahan atau pertumbuhan dalam kegiatan perniagaan.

Dari segi istilah Lebihan dan pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada dua unsur pengeluaran utama iaitu usaha (*al-mal*) dan modal (*ra'su al-mal*)

SURAH AL-BAQARAH (2:16)

Majoriti ahli tafsir mereka memberikan takrifan untung berpandukan surah al-Baqarah ayat ke-16 yang bermaksud: "Mereka itulah orang yang memberi kesesatan dengan petunjuk, maka tidak **beruntunglah** perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk".

PANDANGAN AHLI TAFSIR

Imam al-Tab-ari Untung wujud ketika mana berlakunya pertukaran antara harga dengan barangan keluaran sama ada nilai tukaran itu sama ataupun melebihi harga belian tersebut.

Al-N-isaburi Mendefinisikan perniagaan (*al-tijarah*) kerana keuntungan wujud di dalamnya.

Al-Q-urtubi Merujuk kepada kebiasaan orang Arab yang sering mengungkap ayat yang mengandungi maksud; "*kamu mendapat keuntungan dan kerugian dalam jual beli kamu*".

Imam al-Alusi Mempunyai pendapat yang sama dengan Al-Nisaburi.

Rashid Rida Kaedahnya adalah melalui pertukaran iaitu pertukaran antara kedua-dua pihak dengan matlamat mendapatkan keuntungan.

KONSEP & DEFINISI KEUNTUNGAN

Para *Fuqaha'* membahagikan keuntungan (*al-ribh*) kepada dua pengertian:

1) BAB ZAKAT Pertambahan ke atas modal dan ia ditinjau dari segi harta yang diwajibkan zakat iaitu harta yang berkembang (*al-namiyah*).

2) BAB AL-MUR-ABA-HAH Pertambahan ke atas modal dan pertambahan ke atas modal setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan dalam memperoleh lebihan tersebut.

BAB ZAKAT

IMAM AL-MAWARDI Zakat itu wajib ke atas harta yang mampu berkembang melalui usaha atau secara sendirinya.

IBNU QUDAMAH Menghuraikan harta yang berpotensi untuk berkembang ialah haiwan ternakan dan buah-buahan dengan syarat cukup *nisab* dan *hawl*.

AL-K-ASANI Zakat tidak akan diperolehi kecuali dari harta yang berkembang.

BAB AL-MURABAHAH

AL-BAGH-DADI Menyatakan konsep keuntungan adalah lebihan ke atas modal selepas mengurangkan segala kos (beban) perbelanjaan tertentu dalam memperoleh keuntungan.

IMAM MALIK Untung wujud apabila berlaku pengeluaran akad secara lisan meski barang belum dipindahkan ke tempat asalnya.

IBNU KHALDUN Beliau menyatakan membeli barang dengan harga murah, jual semula dengan harga mahal adalah disebut sebagai untung.

KRITERIA ASAS DALAM MENDAP-ATKAN KEUNTUNGAN

i) Keuntungan bukan berasal daripada perbuatan riba.

ii) Keuntungan bukan daripada usaha penipuan dengan menyembunyikan fakta.

iii) Keuntungan bukan daripada perbuatan penipuan.

3.0 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN: PENDEKATAN FUQAHA'

Apakah bentuk keuntungan dalam pendekatan *Fuqaha'*?

Terdapat dua bentuk keuntungan dalam pendekatan *Fuqaha'* iaitu yang pertama ialah **al-ghabn al-fahisy** dan yang kedua pula ialah **al-ghabn al-yasir**.

Apakah pendekatan dalam menentukan ukuran bagi membezakan antara *al-ghabn al-fahisy* dengan *al-ghabn al-yasir*?

Pendekatan yang pertama adalah dengan menggunakan ukuran yang tetap (*al-mi'yar al-jamid*) dan pendekatan yang kedua pula adalah dengan menggunakan ukuran yang fleksibel (*al-mi'yar al-marin*).

3.1 PENDEKATAN PERTAMA: UKURAN YANG TETAP

Para *ulama'* yang membezakan antara *al-ghabn al-fahisy* dengan *al-ghabn al-yasir* dengan menggunakan pendekatan pertama ini berbeza pandangan dalam meletakkan nisbah atau kadar yang tetap. Antaranya ialah:

AL-K-HAJNADI DARI GOLONGAN HANAFI Melihat *ghabn al-fahisy* pada takat melebihi *nisf al-usyur* manakala *ghabn al-yasir* tidak melebihi atau tetap (*nif al-usyur*)

IBN YAHYA AL-BAKHI *Al-ghabn* pada barang perniagaan *nifl al-usyur*, pada haiwan *al-usyur* (satu persepuluh) & pada barangan tak alih sebanyak *al-khumus* (satu perlima).

GOLONGAN MALIKI Meletakkan kadar *al-thuluth* (satu pertiga) atau lebih sebagai *al-ghabn al-fahisy*.

3.1 PENDEKATAN PERTAMA: UKURAN YANG TETAP (cont)

GOLONGAN SYAFI'I *Al-ghabn al-fahisy* berlaku ketika kadar keuntungan yan diambil melebihi *al-th-uluth* (satu pertiga)

GOLONGAN HANBALI *Al-ghabn al-fahisy* pada kadar *al-thuluth* (satu pertiga) atau *al-sudus* (satu perenam).

AL-MARD-AWI Melebihkannya contohnya *al-rubu'* (satu perempat).

GOLONGAN AL-IBADIIY-YAH Menetapkan kadar *al-th-uluth* (satu pertiga) atau lebih kerana beliau menganggap lebihan yang wujud merupakan *al-ghabn al-fahisy*.

3.2 PENDEKATAN KEDUA: UKURAN YANG FLEKSIBEL

Para *ulama'* turut berbeza pendapat antara *al-ghabn al-fahisy* dengan *al-ghabn al-yasir* melalui pendekatan yang kedua yang meletakkan kaedah fleksibel. Antaranya ialah:

IBN ABIDIN Melihat *al-ghabn al-fahisy* sebagai satu nisbah (keuntungan) yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pihak pentaksir (*al-muqawwim*). Namun, keuntungan tersebut akan dianggap sebagai *al-ghabn al-fahisy* sekiranya kadar keuntungan yang dibuat melebihi taksiran pentaksir.

3.2 PENDEKATAN KEDUA: UKURAN YANG FLEKSIBEL (cont)

SEBA-HAGIAN ULAMA' DARI KALANGAN MALIKI Mereka berbeza pandangan dalam penetapan kadar *al-ghabn al-fahisy* sama ada pada kadar satu pertiga (1/3) atau lebih. Hal ini kerana, ada yang mengatakan tidak ada had tertentu, tetapi ia disandarkan kepada tradisi atau kebiasaan yang berlaku sesama peniaga.

AL-MARD-AWI Nisbah *al-ghabn* atau keuntungan perlu mengambil kira *al-uruf* semasa (kebiasaan) dan bersesuaian dengan tahap masalah yang dihadapi. Nisbah tersebut hendaklah sedikit sahaja, supaya pulangan modal dapat diperoleh dengan mudah.

4.0 KESIMPULAN

Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah untung yang diiktiraf oleh Islam ialah untung yang bebas daripada unsur-unsur yang haram seperti *riba*, *ghabn*, *gharar*, dan *ihthikar*. Oeh itu, umat Islam haruslah berusaha untuk memperoleh keuntungan yang bebas daripada unsur-unsur di atas.

